

# Usaha ILIM mantapkan halal Malaysia

**W**ALAU PUN persijilan halal Malaysia diiktiraf peringkat antarabangsa tetapi usaha untuk memantapkan kredibilitinya tetap digandakan dari semasa ke semasa.

Usaha tersebut bukan hanya melalui perbincangan teknikal sesama sendiri tetapi turut melibatkan rakan-rakan dari negara Islam lain di seluruh dunia.

Antaranya, kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dengan Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) yang mengadakan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Program yang memfokus kepada topik *The Administration Halal Certification Body 2017* itu disertai 10 negara iaitu Kyrgystan, Sudan, Sudan Selatan, Mesir, Sri Lanka, Bosnia Herzegovina, Tunisia, Mexico, Afrika Selatan dan Gambia.

Program itu memberi peluang kepada Malaysia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam membangunkan ekosistem serta cabaran semasa bagi memastikannya sistem persijilan halal Malaysia sentiasa terkehadapan.

Ini sejajar dengan matlamat MTCP itu sendiri yang menekankan kepada pembangunan sumber manusia melalui penyediaan latihan dalam pelbagai bidang penting bagi pembangunan sesebuah



Program itu memberi peluang kepada Malaysia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam membangunkan ekosistem serta cabaran semasa bagi memastikannya sistem persijilan halal Malaysia sentiasa terkehadapan."

negara.

Sepanjang program itu, peserta bukan hanya mendengar taklimat, perbincangan, ceramah dan latihan simulasi, bahkan juga dibawa melawat beberapa syarikat terpilih untuk melihat pelaksanaan persijilan halal di negara ini.

Antaranya, Ayamas Corporation Sdn. Bhd., Bahagian Hub Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia, Pharmaniaga Manufacturing Berhad, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), dan Serunai Commerce Sdn. Bhd.

**ANTARA** delegasi luar negara yang menyertai program MTCP di ILIM, Bangi, Selangor, baru-baru ini.

